

31/10/2003

Jawapan Dr M gamatkan dewan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggamatkan sidang Dewan Rakyat semalam apabila berkata, jambatan baru akan dibina di Pulau Pinang bagi mengelak orang ramai berenang seperti Datuk Abdul Malik Mydin yang menyeberangi Selat Inggeris.

"Dulu kita nak buat Jambatan Pulau Pinang, wah...cukup marah parti pembangkang. Sekarang ini, minta lagi satu (jambatan)... tak cukup satu, nak lagi satu.

"Kita buat jugalah kerana kalau tidak orang Pulau Pinang akan ikut Malik Mydin berenang setiap hari (berulang alik dari Seberang Prai-Pulau Pinang)," katanya ketika menjawab soalan tambahan Mohamed Nasir Che Daud (Pas-Kuala Krai), semalam.

Sementara itu, menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong), Dr Mahathir berkata, pemahaman mengenai demokrasi dan sikap tolak ansur antara kaum adalah kunci mengekalkan perpaduan negara serta mengelak daripada berlakunya keganasan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai cabaran berbeza berbanding negara lain kerana rakyatnya yang berbilang kaum, anutan agama, budaya dan bahasa.

"Justeru, kawalan supaya rusuhan kaum tidak berlaku sebenarnya melindungi demokrasi dan hak asasi manusia.

"Oleh itu, jika ada individu atau sekumpulan kecil menghasut supaya akhirnya berlaku rusuhan, mereka sebenarnya cuba menidakkan hak demokrasi dan hak kemanusiaan puak majoriti," katanya.

Dalam soalnya, Tan meminta Perdana Menteri menyatakan pesanan untuk menjamin demokrasi berparlimen kekal di negara ini.

Dr Mahathir berkata, kepercayaan bahawa segala-galanya akan baik jika demokrasi diamalkan adalah tidak berasas, terutama jika demokrasi dipaksa supaya diamal serta-merta.

Ketika ini, katanya, Barat mengaitkan kebebasan individu dan minoriti dengan demokrasi hingga lupa kepada hak majoriti, sekali gus menidakkan prinsip utama demokrasi iaitu 'rule by the majority'.

"Asas demokrasi hanyalah hak bagi rakyat memilih wakil mereka yang akan menubuhkan kerajaan dan jika rakyat tidak suka dengan apa yang dilakukan kerajaan, mereka akan pilih wakil lain untuk menubuh kerajaan.

"Kebebasan mutlak dalam demokrasi ialah hak memilih wakil yang akan menubuh kerajaan dan kebebasan lain bukan hak mutlak sebenar," katanya.

(END)